

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : FALSAFAH PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 10102
PROGRAM : 1BBC/ 1BBE/1BBB/1BBF/1BBD
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA : 2 JAM
ARAHAN : A) JAWAB EMPAT(4)
SOALAN SAHAJA
B) HANTAR KERTAS
SOALAN BERSAMA
DENGAN SKRIP
JAWAPAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** (a) Nyatakan maksud falsafah dan hubungannya kepada pembentukan sistem pendidikan negara.
(5 markah)
- (b) Huraikan kepentingan mempelajari falsafah pendidikan dan bagaimanakah falsafah pendidikan ini dapat membentuk sahsiah pelajar di sekolah.
(10 markah)
- (c) Bincangkan asas pertimbangan cabang ilmu falsafah di bawah dalam pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
(i) Idealisme
(ii) Realisme
(iii) Pragmatisme
(iv) Naturalisme
(10 markah)
- S2** (a) Bincangkan tujuan falsafah pendidikan dengan mengaitkan mazhab-mazhab di bawah dan hubungannya dengan perubahan sistem pendidikan di negara ini
(i) Perenealisme
(ii) Essensialisme
(iii) Progressive
(iv) Rekonstruktivisme
(10 markah)
- (b) Dengan menyatakan contoh yang sesuai, huraikan pembangunan dan pelaksanaan dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan di sekolah.
(15 markah)
- S3** (a) Bincangkan lima cadangan utama Laporan Rahman Talib (1960).
(10 markah)
- (b) Jelaskan secara ringkas mengikut urutan kronologi, sejarah perkembangan Pendidikan bermula dari Laporan Cheeseman (1938) hingga kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957.
(15 markah)

- S4** (a) Huraikan maksud profesionalisme dan kepentingannya dalam sistem pendidikan guru di Malaysia hari ini.
(10 markah)
- (b) Falsafah Pendidikan Guru (FPG) menyatakan bahawa Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.
- Berdasarkan kepada FPG di atas huraikan lima tanggungjawab penting yang menyokong kenyataan di atas.
(15 markah)
- S5** (a) Takrifkan konsep pembangunan modal insan secara holistik dan kepentingannya dalam melahirkan pelajar yang berketrampilan, jati diri tinggi dan berakhlak.
(10 markah)
- (b) Bincangkan enam teras yang terdapat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) . Huraikan kesannya terhadap pelaksanaan PIPP dalam membangunkan modal insan kearah negara maju.
(15 markah)
- S6** (a) Huraikan tujuan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibuat dan kepentingan lima (5) teras yang terdapat dalam tunjang KSSR tersebut.
(10 markah)
- (b) Rumuskan secara ringkas hubungkait Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1982 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) 1988 dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.
(15 markah)

-SOALAN TAMAT-

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014









NAMA KURSUS : TEKNOLOGI MAKLUMAT
DALAM PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBP 10102
PROGRAM : 1 BBC/ 1 BBD
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA : 2 JAM
ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN
B) JAWAB TIGA (3) SOALAN
SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEBELAS (11)** MUKA SURAT

SULIT


BAHAGIAN A

- S1 Teknologi merupakan komponen Teknologi Maklumat yang terpenting. Teknologi merujuk kepada perkakasan, perisian dan _____ yang digunakan dalam pengurusan maklumat
- A internet
 - B pengguna
 - C sistem telekomunikasi
 - D unit pemprosesan pusat
- S2 Takrifan Teknologi Maklumat mengikut Senn (1998) adalah
- A semua bentuk teknologi yang terlibat dalam pengumpulan, manipulasi, komunikasi, persembahan dan menggunakan data
 - B suatu istilah untuk memperihalkan teknologi yang membolehkan kita untuk merekod, menyimpan, memproses, mendapat semula, menghantar dan menerima maklumat
 - C mengandungi tiga komponen iaitu komputer, komunikasi dan tahu-guna
 - D satu proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat menggunakan perantaraan teknologi
- S3. Manakah antara berikut menunjukkan undang-undang siber yang telah diluluskan oleh Parlimen?
- A Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
 - B Akta Tandatangan Digital 1998
 - C Akta Jenayah Komputer 1998
 - D Akta Teleperubatan 1998
- S4 Berikut adalah operasi utama yang dilaksanakan oleh komputer kecuali:
- A Logik
 - B Storan
 - C Mencetak
 - D Pemprosesan
- S5 Peranti imbasan menterjemah imej teks dan lukisan, kepada bentuk digital untuk dimasukkan secara langsung dalam komputer. Manakah antara berikut merupakan peranti pembaca imbasan menggunakan kaedah pengecaman optik?
- A Pembaca aksara dakwat magnetik (*Magnetic ink character reader (MICR)*)
 - B Pembaca kod palang (*bar code reader*)
 - C Pembaca kad pintar
 - D Mesin faks
- S6 Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pengoperasi?
- A Antaramuka antara perkakasan dan perisian aplikasi
 - B Sejenis perisian komputer yang digunakan untuk memproses input
 - C Suatu sistem yang menghubungkan sekumpulan computer dan peranti sokongan yang lain seperti pencetak dan pengimbas
 - D Satu set atur cara yang mengawal dan menyelaras aktiviti-aktiviti sumber-sumber perkakasan dan perisian komputer

- S7 Tiga jenis *toolbar* yang selalu digunakan di dalam Microsoft Word 2003 ialah *Standard Toolbar*, _____ dan *Drawing Toolbar*.
- A Picture Toolbar
 - B Word Art Toolbar
 - C Formatting Toolbar
 - D Mail Merge Toolbar
- S8 Kedudukan *toolbar* pada Microsoft Word boleh diubah suai dengan menggunakan tetikus iaitu dengan membawa kursor pada penghujung kiri *Toolbar* yang berkenaan sehingga kursor berubah bentuk kepada
- A 
 - B 
 - C 
 - D 
- S9 Kegunaan kekunci *Print Screen* pada papan kekunci bertujuan untuk
- A Memadamkan aksara
 - B Untuk mematikan komputer
 - C Merakam imej pada skrin komputer
 - D Mengelakkan komputer tergantung (*hang*)
- S10 Kaedah _____ merupakan teknik merekabentuk *brochure* sesebuah organisasi
- A *Bullets*
 - B *Column*
 - C *Page Setup*
 - D *Line Spacing*
- S11 Manakah antara berikut kursor yang tepat untuk mengubah kedudukan sel dalam Microsoft Excel 2003?
- A. 
 - b. 
 - c. 
 - d. 

- S12 Apakah fungsi yang digunakan untuk menentukan nilai purata dalam pengiraan matematik?
A Sum
B Min
C Max
D Average
- S13 Setiap helaian kerja (*Worksheet*) Microsofts Excel mengandungi sel-sel yang disusun mengikut
A lajur dan baris
B baris dan lajur
C baris dan *line spacing*
D bullets dan *numbering*
- S14 Langkah yang betul untuk memasukkan gambar dari *pendrive* ke dalam slide Microsoft Power Point
A *insert > picture > clip art*
B *insert > picture > word art*
C *insert > picture > from file*
D *insert > picture > auto shape*
- S15 Tujuan storan adalah
A Menyimpan mesej dan arahan
B Menyimpan teks, grafik dan audio
C Menyimpan maklumat secara kekal atau separa kekal
D Menyimpan arahan dan maklumat secara kekal
- S16 Pilih pernyataan yang betul tentang perisian pemprosesan perkataan (*word processing*)
a. Notepad merupakan perisian pemprosesan perkataan
b. Perisian Microsoft office merupakan perisian pemprosesan perkataan
c. Perisian yang digunakan untuk pemprosesan maklumat
d. Data boleh dimasukkan ke dalam baris dan lajur tertentu dengan menggunakan jadual
- S17 _____ adalah perisian yang boleh dimuat turun oleh pengguna bagi tujuan penggunaan secara percuma bagi tempoh tertentu
A Perisian bersepadu (*integrated software*)
B Set perisian (*software suite*)
C Perisian *shareware* (*shareware*)
D Perisian *freeware* (*freeware software*)

S18 Rajah S18 merujuk kepada jenis topologi _____



Rajah S18

- A gelung
 B gelang
 C bintang
 D bas
- S19 Pilih pernyataan yang **BENAR** tentang topologi bintang.
 I Penghantaran data lebih laju jika kurang nod di dalam rangkaian
 II Mudah diubahsuai dan ditambah bilangan nod
 III Sebarang kerosakkan pada nod tidak mengganggu keseluruhan rangkaian
 IV Sebarang kerosakkan pada nod dapat dikesan dengan mudah dan pantas
 A I dan II
 B I,II dan III
 C I, III dan IV
 D I, II, III dan IV
- S20 Antara yang berikut merupakan maksud topologi rangkaian yang tepat.
 A Susunan yang menghubungkan sekumpulan komputer dengan peranti sokongan yang lain
 B Susunan komputer yang digunakan untuk membuat analisis, perhitungan, perancangan dan permodelan dalam sesuatu rangkaian computer
 C Susunan komputer yang digunakan bagi tujuan untuk memudahkan pernebitan dan percetakan dalam rangkaian
 D Susunan atau konfigurasi fizikal komputer dengan komputer lain dan peranti sokongan lain dalam sesuatu rangkaian
- S21 _____ merupakan salah satu perisian aplikasi yang digunakan dalam menggabungkan kesemua elemen multimedia (teks, video, audio, grafik dan animasi), kecuali:
 A Bahasa COBOL
 B Visual Basic
 C Macromedia flash
 D Adobe Photoshop.

- S22** Pilih fungsi-fungsi sistem pengoperasian yang betul
I Menguruskan ingatan
II Menguruskan perkakasan
III Menguruskan perisian sistem dan program utiliti
IV Menyediakan antara muka pengguna
A I dan II
B II dan III
C I, II dan III
D I, II, III dan IV
- S23** *Database Management System* (DBMS) adalah sistem perisian yang membolehkan pengguna mentakrif, mencipta, mengemaskini, mengurus, mencipta dan menyelenggara pangkalan data. Berikut merupakan contoh DBMS, kecuali:
A Microsoft Acces
B MySQL
C Oracle
D Bahasa C
- S24** Grafik bermaksud penggunaan visual untuk menerangkan konsep yang tidak dapat atau sukar diterangkan oleh teks. Ia juga mampu menambah daya tarikan kepada sesuatu paparan atau persembahan. Salah satu contoh grafik adalah
A lukisan
B video
C animasi
D teks
- S25** Berikut adalah definisi istilah pangkalan data yang biasa digunakan, kecuali:
A Entiti- Data yang telah diproses dan berada dalam struktur yang berguna untuk membolehkan keputusan dibuat
B Atribut- data atau maklumat yang menerangkan sifat atau ciri-ciri
C Rekod- koleksi beberapa atribut yang berkaitan untuk satu entiti
D Data-Fakta mentah mengenai sesuatu perkara dan belum diproses
- S26** Perisian yang digunakan untuk menghasilkan penerbitan meja adalah
A Microsoft Powerpoint
B Microsoft Word
C Microsoft Excel
D Microsoft Access
- S27** Berikut adalah arahan yang terdapat dalam menu *file* perisian Microsoft Word kecuali:
A Membuka fail baru
B Menyalin bahagian teks
C Menyimpan fail lama dan baru
D Mencetak kandungan fail

- S28** Pilih pernyataan yang benar tentang langkah-langkah dalam membina aplikasi pangkalan data
- I kenalpasti masalah
 - II cipta pangkalan data
 - III uji prototaip
 - IV pemerhatian
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S29

- Berdasarkan rekod yang distruktur beberapa peringkat
- Pertalian wujud antara induk
- Data disusun dalam bentuk ranting

Pernyataan S29

Pernyataan S29 merujuk kepada definisi sebuah jenis pengkalan data, iaitu:

- A Model hubungan
 - B Model Hierarki
 - C Model Rangkaian
 - D Model Pelayan pelanggan
- S30** Manakah antara berikut adalah benar mengenai perisian sistem?
- A Perisian sistem merujuk kepada sistem pengoperasian sahaja
 - B Perisian pemprosesan perkataan adalah merupakan salah satu perisian sistem
 - C Perisian sistem terdiri daripada sistem pengoperasian dan program utiliti
 - D Perisian sistem merupakan perisian yang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu
- S31** Manakah antara berikut menunjukkan fungsi Teknologi Maklumat.
- I Penyusunan maklumat
 - II Penghapusan maklumat
 - III Pemadatan maklumat
 - IV Mendapatkan semula maklumat
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S32** Penyuntingan video adalah elemen penting dalam menghasilkan sesuatu persembahan video. Pada pandangan anda, langkah manakah dari senarai berikut yang bukan penyuntingan video.
- A Memasukkan animasi
 - B Mengubahsuai soundtrack
 - C Memasukkan kesan bunyi
 - D Menyimpan di dalam CD

- S33** Multimedia kini telah berjaya menembusi bidang pendidikan kerana ia
- I Merangkumi semua peranti penyampai melalui mikropemproses
 - II Mengaplikasikan penyampaian mengikut urutan (*sequential*)
 - III Menggunakan seberapa banyak saluran deria
 - IV Menjanakan mesej yang unik melalui paparan skrin
- A I, II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S34** Ciri-ciri reka bentuk persembahan yang baik adalah seperti berikut kecuali:
- A Susunan dan jarak antara fon
 - B Pemilihan latar belakang sesuai
 - C Pemilihan warna yang banyak
 - D Susunan dan jarak antara grafik
- S35** Microsoft Power Point mempunyai banyak kelebihan. Manakah antara berikut bukan satu kelebihan perisian tersebut?
- A Harga yang murah
 - B Penyampaiannya menarik dan berkesan
 - C Mudah diolah untuk menjadi bahan pengajaran.
 - D Guru sentiasa berhadapan dengan pelajar
- S36** Salah satu perkhidmatan Internet adalah sebagai enjin pencari. Berikut adalah contoh-contoh enjin pencari, kecuali:
- A Yahoo
 - B Web Crawler
 - C Alta vista
 - D IRC
- S37** Setiap kali maklumat dihantar menerusi Internet, maklumat tersebut akan dipecahkan kepada paket-paket kecil yang dilaksanakan oleh TCP. Paket-paket ini akan dihantar ke rangkaian setempat, pembekal khidmat internet atau perkhidmatan dalam talian. Berikut adalah jenis-jenis perkakasan memproses paket untuk menghantar maklumat ke destinasi yang betul, kecuali:
- A Get laluan (*Gateway*)
 - B Penghala (*Router*)
 - C Titi (*Bridge*)
 - D Kabel (*cabel*)
- S38** Berikut merupakan jenis-jenis perkakasan output, kecuali:
- A Pencetak
 - B Pengimbas
 - C Monitor
 - D Mikrofon

S39. Peranti input di bawah adalah merupakan peranti penunding (*pointing device*), kecuali:

- A Bebola jejak (*track ball*)
- B Papan pendigit (*digitize board*)
- C Tetikus optic (*optical mouse*)
- D Papan kekunci (*keyboard*)

S40 Animasi bergerak semasa di dalam *slide* dikenali sebagai

- A *Slide Transition*
- B *Slide Validation*
- C *Custom Animation*
- D *Custom Transformation*

BAHAGIAN B

- S1** (a) Nyatakan definisi Era Pertanian, Era Perindustrian dan Era Maklumat
(6 markah)
- (b) Koridor Raya Multimedia atau *Multimedia Super Corridor* (MSC) merupakan satu genda Malaysia untuk mencapai hasrat Wawasan 2020. Ia berfungsi sebagai alat utama di dalam persaingan ekonomi berasaskan pengetahuan. Bincangkan cabaran-cabaran pengintegrasian Teknologi Maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia.
(14 markah)
- S2** (a) Berikan definisi Internet.
(5 markah)
- (b) Jelaskan dengan contoh kepentingan Internet dalam sistem pendidikan kepada
- i) Kementerian
 - ii) Tenaga Pengajar
 - iii) Pelajar
- (15 Markah)
- S3** Pangkalan data adalah himpunan data yang berkait dan boleh dihubungkan
- (a) Nyatakan jenis-jenis pangkalan data
(3 Markah)
- (b) Nyatakan lima (5) contoh penggunaan pangkalan data yang dapat diaplikasikan dalam aktiviti seharian
(5 Markah)
- (c) Nyatakan enam (6) kelebihan sistem pangkalan data berbanding dengan konsep fail biasa
(12 Markah)

S4 Sebagai seorang Pegawai Teknologi Maklumat di sebuah syarikat telekomunikasi, majikan meminta anda untuk mengkaji semula dan memilih susun atur rangkaian komputer di syarikat tempat anda bekerja.

- (a) Jelaskan maksud rangkaian komputer (2 Markah)
- (b) Cadangkan dengan membuat lakaran topologi rangkaian dan jenis rangkaian yang bersesuaian dengan struktur bangunan syarikat anda (12 Markah)
- (c) Nyatakan kebaikan dan keburukan topologi rangkaian yang anda pilih (3 Markah)

6

- S5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan etika komputer? (2 markah)
- (b) Etika komputer merupakan satu garis panduan penggunaan komputer yang boleh diterima secara bermoral dalam masyarakat kita. Bincangkan empat (4) etika dalam menggunakan komputer (8 markah)
- (c) Penyimpanan data atau maklumat secara sulit bergantung kepada penjagaan sistem komputer yang selamat daripada penjenayah, bencana alam dan ancaman lain. Jenayah *Cyber* merupakan salah satu ancaman keselamatan komputer yang boleh berlaku kepada pengguna. Bincangkan mengenai jenayah *Cyber*. (10 markah)

-SOALAN TAMAT-